



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

11 MEI 2023 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

11 MEI 2023 (KHAMIS)



50 penduduk terima Bakul Rahmah di Pasar Raya TF Value-Mart Sungai Lalang

SERAMAI 50 orang penduduk tempatan, termasuk golongan kurang berkemampuan dipilih menerima Bakul Rahmah sempena perasmian Pasar Raya TF Value-Mart Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.

Penyerahan barang keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak, tepung dan lain-lain itu dilakukan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Pengurus operasi pasar raya tersebut, Faizal Baba Ahmad berkata, sempena pembukaannya masyarakat tempatan masih

boleh membeli barang dengan harga yang lebih rendah selepas Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Turut hadir di majlis itu, Pengarah KPDN Negeri Kedah, Affendi Rajini Khan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Selambau, R. Sammugam.

■ SALAHUDDIN Ayub (tiga dari kanan) menyampaikan Bakul Rahmah kepada seorang penduduk, Norida Osman dari Taman Kenanga 8 sempena perasmian Pasar Raya TF Value-Mart Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.
- UTUSAN/ABD. RAZAK OSMAN

KPDN pastikan harga barang, perkhidmatan tak naik mendadak

Kangar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) akan melakukan pemantauan berterusan terhadap barang dan perkhidmatan sepanjang pengajuran Pameran Antara bangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA 2023), pada 23 hingga 27 Mei ini.

Timbalan Menteri, Fuziah Salleh, berkata KPDN Kedah diberi tanggungjawab memastikan tiada kenaikan mendadak harga barang atau perkhidmatan sepanjang tempoh acara berkenaan.

"KPDN Kedah akan memantau harga perkhidmatan kereta sewa, hotel dan makanan sepanjang program berkenaan berlangsung. Ini bagi memastikan peniaga tidak mencatut harga barang dan perkhidmatan mereka sesuka hati untuk mengaut keuntungan mudah.

"Saya sendiri akan turun bersama-sama KPDN Kedah untuk melakukan pemantauan ini," katanya selepas merasmikan Kilang Roti HPA Industries di Taman Sena Indah, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, anggota penguatan kuasa KPDN juga akan melakukan pemantauan lebih awal dari tarikh pengajuran LIMA 2023, memandangkan ada pengunjung sudah membuat tempahan dan bayaran bagi mengikuti program itu.

"Di Malaysia, KPDN hanya mengawal harga bagi 11 ba-

rangan atau perkhidmatan. Namun, bagi barang lain, ia tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencautan 2011, yang membolehkan tindakan diambil ke atas peniaga yang menaikkan harga sesuka hati," katanya.

Tambah perkhidmatan
Sementara itu, Pengurus Sumber Manusia dan Operasi Ferry Line Ventures Sdn Bhd, Kapten Dr Baharin Baharom, berkata perkhidmatan feri dari Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke Langkawi sempena LIMA '23 akan ditambah kepada tujuh perjalanan sehari.

Jadual perjalanan feri akan dilihat semula untuk memastikan alur pelayaran selamat untuk dimasuki oleh feri ke kawasan jeti ketika itu. Ia juga bergantung kepada arahan semasa Jabatan Laut Malaysia (JLM) berkaitan air selamat untuk pelayaran di alur pelayaran Kuala Perlis ketika itu.

"Penambahan trip feri akan bermula pada 16 Mei ini sehingga 28 Mei ini.

"Setakat ini sambutan pembelian tiket feri dilihat masih kurang sambutan berbanding LIMA 2019, permintaan feri habis sebulan lebih awal," katanya dihubungi hari ini.

Baharin berkata, banyak faktor yang mengurangkan sambutan LIMA '23 kali ini iaitu kurangnya promosi, cuaca panas, selain bukan waktu cuti sekolah serta faktor ekonomi yang menguncup.



Baharin Baharom

Kangar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memantau harga barang dan perkhidmatan sepanjang Pameran Antara-bangsa Maritim dan Ae-roangkasa Langkawi 2023 (LIMA'23) berlangsung pada 23 hingga 27 Mei ini.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata KPDN Kedah diberi tanggungjawab bagi memastikan tiada kenaikan mendadak harga barang atau perkhidmatan ketika pameran berpres-tijit itu berlangsung.

Katanya, KPDN akan memantau harga perkhidmatan kereta sewa, hotel dan makanan sepanjang program berkenaan berlangsung bagi memastikan peniaga tidak sesuka hati mengaut keuntungan mudah.

"Saya sendiri akan turun bersama-sama KPDN Kedah untuk melakukan pemanta-uhan sepanjang LIMA'23 ber-langsung," katanya selepas merasmikan sebuah kilang roti di Taman Sena Indah di sini, semalam.

Katanya, anggota penguat kuasa KPDN juga akan me-

LIMA'23: KPDN jamin kawalan harga barang, perkhidmatan



FUZIAH menunjukkan roti yang dihasilkan Kilang Roti HPA Industries selepas beliau merasmikan kilang berkenaan di Taman Sena Indah, Kangar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

lakukan pemantauan lebih awal dari tarikh pengaju-an LIMA'23 memandangkan terdapat pengunjung sudah membuat tempahan dan bayaran bagi mengikuti program itu.

"KPDN serius dan mengatkan pemain industri mematuhi undang-undang dan tidak mengambil kesempatan," katanya.

Beliau berkata, tindakan boleh diambil mengikut Ak-

ta Kawalan Harga Dan An-ti-Pencatutan 2011 terhadap mana-mana peniaga yang melanggar peraturan dan menetapkan harga tidak munasabah terhadap orang ramai.

LIMA'23: Peniaga diberi amaran tidak naikkan harga melampau

KANGAR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi amaran kepada pemain industri agar tidak mengambil kesempatan sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA'23) dengan menaikkan harga barang tidak munasabah.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, KPDN Kedah akan turun padang bermula 22 Mei ini untuk melakukan operasi pemantauan harga di sekitar venue pameran itu dan sekiranya kenaikan harga berlaku, tindakan akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Saya nasihatkan semua pemain industri seperti pengusaha sewa kenderaan, hotel dan penginapan dan pengusaha makanan agar tidak mencatut harga dan mengambil kesempatan daripada kedatangan pengunjung ke Pulau Langkawi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang roti milik HPA Industries Sdn Bhd di sini pada Rabu.



FUZIAH



PANTAI Chenang antara lokasi yang akan menjadi tarikan pengunjung apabila bercuti ke Pulau Langkawi.

- GAMBAR HIASAN

Amaran KPDN elak ambil kesempatan pada LIMA'23

Peniaga jangan 'tekan' harga melampau

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR

KANGAR — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) memberi amaran kepada peniaga agar tidak menaikkan harga secara keterlaluan sepanjang penganjuran Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA'23), tidak lama lagi.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, pihak penguat kuasa KPDN Kedah akan memantau rapat sebarang kenaikan harga secara melampau.

Katanya, pemantauan itu lebih khusus kepada kenaikan harga makanan dan perkhidmatan kereta sewa serta penginapan hotel mahupun inap desa secara keterlaluan.

"Memandangkan LIMA'23 akan berlangsung pada hujung Mei ini, kita jangka akan berlaku permintaan yang tinggi dan kita harap pemain industri di Langkawi tidak mengambil kesempatan menaikkan harga terlalu tinggi dengan sewenang-wenangnya.

"Buat masa ini pun telah ada banyak tempahan hotel dan inap desa dengan permintaan dalam bidang perniagaan itu meningkat tinggi dan pemantauan dilakukan lebih awal sebelum dan sepanjang acara berprestij itu berlangsung," katanya ketika ditemui di Taman Sena Indah, di sini semalam.

Terdahulu, Fuziah merasmikan kilang roti Radix Bakery House yang dimiliki oleh

HPA Industries Sdn. Bhd. yang mengeluarkan produk roti tanpa pengawet untuk diedarkan di seluruh negara.

Menurutnya, beliau sendiri akan turun padang bersama pasukan penguat kuasa KPDN negeri bagi menjalankan operasi antipencatutan sepanjang pameran bertaraf antarabangsa itu berlangsung.

"Pihak KPDN hanya mengawal harga 11 item iaitu barang keperluan, manakala harga makanan dan perkhidmatan tertakluk di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Jadi, sekali lagi saya mohon agar peniaga dan pemain industri tidak menaikkan harga terlampaui tinggi dan menekan pengguna," jelasnya.

Traders warned not to profiteer during Lima'23

KANGAR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has warned industry players not to take advantage of the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2023 (Lima'23) to increase prices excessively.

Deputy Minister Fuziah Salleh said the Kedah KPDN would conduct a price monitoring operation around the venue starting May 22, and errant traders would face action under the Price Control and Anti-Profiteering Act.

"I advise industry players such as vehicle rental, hotel and accommodation operators and food sellers not to increase prices unreasonably and take advantage of the arrival of visitors to Langkawi island," she said.

Fuziah was speaking to reporters after inaugurating a bread processing factory owned by HPA Industries Sdn Bhd here yesterday, Bernama reported.

Also present were Indera Kayangan assemblyman Gan Ay Ling, Perlis KPDN director Norazah Jaapar and HPA Industries owner Ismail Ahmad.

Lima'23 is set to return from May 23 to 27 after a hiatus due to the Covid-19 pandemic.

About 45,000 visitors from all over the world are expected to attend the biennial event.

Do not raise prices indiscriminately during Lima, traders warned

KANGAR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has warned industry players not to take advantage of the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2023 (Lima) to increase prices excessively.

Its deputy minister Fuziah Salleh said the ministry will conduct price monitoring operations around the venue starting May 22, and errant traders will face action under the

Price Control and Anti-Profiteering Act 2011.

"I advise industry players such as vehicle rental, hotel and accommodation operators and food sellers not to increase prices unreasonably and take advantage of the arrival of visitors to Langkawi island," she said after officiating at a bread processing factory owned by HPA Industries Sdn Bhd yesterday.

Also present were Indera Kayangan

assemblyman Gan Ay Ling, Perlis Domestic Trade and Cost of Living director Norazah Jaapar and HPA Industries owner Ismail Ahmad.

Lima is set to run from May 23 to 27 after a four-year hiatus due to the Covid-19 pandemic, with some 45,000 visitors from all over the world expected to attend the biennial event. - Bernama



MEDIA ONLINE

(KPDN)

11 MEI 2023 (KHAMIS)

BERITA ONLINE BERTARIKH 11 MEI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-May	KPDN pantau harga barang, perkhidmatan sepanjang LIMA '23	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/05/965237/kpdn-pantau-harga-barang-perkhidmatan-sepanjang-lima-23	HM
11-May	Traders warned against profiteering during LIMA'23	https://bernama.com/en/general/news.php?id=2187726	BERNAMA
11-May	LIMA'23 Peniaga diberi amaran jangan naikkan harga melampau	https://bernama.com/bm/news.php?id=2187703	BERNAMA
11-May	Ministry to act against profiteering traders at Lima'23	https://www.thevibes.com/articles/business/92286/ministry-to-act-against-profiteering-traders-at-lima23	THEVIBES
11-May	LIMA'23: Peniaga diminta tidak naikkan harga secara melampau	https://www.kosmo.com.my/2023/05/10/lima23-peniaga-diminta-tidak-naikkan-harga-secara-	KOSMO
11-May	LIMA 23: Jangan ambil kesempatan dengan naik barang tidak munasabah	https://suarasarawak.my/lima-23-jangan-ambil-kesempatan-dengan-naik-barangan-tidak-munasabah/	SUARASARAWAK
11-May	KPDN pastikan harga barang, perkhidmatan tidak naik mendadak sempena LIMA 2023	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/05/1099313/kpdn-pastikan-harga-barang-perkhidmatan-tidak-naik-mendadak-sempena	BH
11-May	Marine police catch van driver in Miri with 1,000 litres of diesel	https://www.theborneopost.com/2023/05/10/marine-police-catch-van-driver-in-miri-with-1000-litres-of-diesel/	THEBORNEOPOST
11-May	KPDN pantau harga barang sepanjang LIMA '23	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kpdn-pantau-harga-barangan-sepanjang-lima-23/	UM
11-May	KPDN warns traders against profiteering during LIMA'23	https://selangorjournal.my/2023/05/kpdn-warns-traders-against-profiteering-during-lima23/	SELANGORJOURNAL

11-May	Traders warned not to profiteer during Lima'23	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/11/traders-warned-not-to-profiteer-during-lima23	THESTAR
11-May	Traders warned against profiteering during LIMA'23	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2187726	BERNAMA
11-May	Traders warned against profiteering during Lima '23	https://www.themalaysianinsight.com/s/441868	THEMALAYSIANINSIGHT
11-May	LIMA'23: KPDN pantau harga barang dan perkhidmatan	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/63176-lima-23-kpdn-pantau-harga-barangan-dan-perkhidmatan	BERITARTM
11-May	50 penduduk terima Bakul Rahmah di Pasar Raya TF Value-Mart Sungai Lalang	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/50-penduduk-terima-bakul-rahmah-di-pasar-rayatf-value-mart-sungai-lalang/	UM